
**GARIS PANDUAN PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN
COVID-19 DI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA
(PPS) MANGSA BENCANA**

DISEDIAKAN OLEH

SEKTOR KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR, BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT, KKM

Penyumbang:

Dr. Rohani Binti Jahis

Pakar Perunding Perubatan Kesihatan Awam

Dr Priya A/P Ragunath

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Mohd Hanif Bin Zailani

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Hazlina Binti Yahaya

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Norlen Bin Mohamed

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Ketua Unit Kesihatan Alam Sekitar

Dr Anis Salwa Binti Kamarudin

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Thahirahtul Asma' Binti Zakaria

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Ahmad Riadz Bin Mazeli

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Dr. Mohd Shahrol Bin Abd Wahil

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Pn. Siti Norfadhilah Zainal Abidin

Pegawai Kesihatan Persekitaran

Haji Ismail Bin Mat Ejan

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

SINGKATAN

JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JPBD	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah
JPBN	Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri
NADMA	<i>National Disaster Management Agency/</i> Agensi Pengurusan Bencana Negara
NGO	<i>non-government organization</i>
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah
PPE	<i>personal protective equipment</i>
PPS	pusat pemindahan sementara
RTK	<i>rapid test kit</i>
SOP	<i>standard operation procedure/</i> standard prosedur operasi

KANDUNGAN

A. PENDAHULUAN	1
B. FASA SEBELUM BANJIR	1
i. Persediaan PPS Sebelum Pendaftaran Masuk.....	1
ii. Senarai Semak Keperluan Asas Di PPS.....	2
C. FASA SEMASA BANJIR.....	3
i. Proses Pemindahan Mangsa Bencana Ke PPS.....	3
ii. Semasa Pendaftaran Masuk Di PPS	3
iii. Semasa Berada Di PPS	4
iv. Penyediaan Makanan Di PPS	4
v. Pengurusan Sisa Pepejal Di PPS.	5
D. FASA SELEPAS BANJIR	5
i. Penutupan PPS.....	5
ii. Pengurusan Sisa Pepejal.	6
LAMPIRAN 1	7
LAMPIRAN 2	8

A. PENDAHULUAN

Semasa kejadian bencana alam seperti banjir, tanah runtuh atau kebakaran mangsa-mangsa bencana pada lazimnya akan ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah dikenal pasti di setiap daerah dan negeri. Keadaan penghuni yang ramai di PPS boleh menjadi punca kepada penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19 dan penyakit berjangkit lain.

Langkah-langkah pencegahan COVID-19 di PPS perlu diamalkan dan diberi perhatian oleh semua penghuni dan agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan kebajikan mangsa di PPS. Amalan mencuci tangan yang betul, etika batuk dan bersin perlu diamalkan sepanjang masa. Pemakaian pelitup muka amat digalakkan kepada semua mangsa yang berada di PPS dan diwajibkan kepada mereka yang positif COVID-19.

Berikut adalah panduan pencegahan dan pengurusan COVID-19 di PPS yang boleh diguna pakai oleh semua agensi yang terlibat semasa kejadian bencana.

B. FASA SEBELUM BANJIR

Pihak Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) perlu sentiasa mengemaskini data kes positif COVID-19 sebagai langkah kesiapsiagaan dan data ini perlu dikongsikan dengan agensi tindak balas supaya agensi berkenaan membuat persediaan sewajarnya sebelum melakukan proses memindah dan menyelamatkan mangsa banjir.

PKD perlu sentiasa bekerjasama dengan agensi lain di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan penyelarasan aktiviti melibatkan mangsa banjir dirancang dan direncana dengan baik.

Selain itu, PKD juga perlu melakukan lawatan ke PPS yang telah diwartakan dengan kerjasama agensi lain bagi merancang keperluan-keperluan berkaitan.

i. Persediaan PPS Sebelum Pendaftaran Masuk

Agensi yang bertanggungjawab perlu memastikan;

- a. Kapasiti sedia ada PPS perlu disesuaikan dengan mengambil kira penjarakan kubikel bagi mencegah penularan COVID-19 dan penyakit-penyakit berjangkit lain yang mempunyai kaedah penyebaran yang sama.
- b. Keutamaan tempat untuk dijadikan PPS ialah tempat yang mempunyai kemudahan asas yang baik dan tempat yang memudahkan proses pengasingan mangsa mengikut keluarga. Mengambil kira perkara ini, sekolah diutamakan kerana mempunyai kelas dan kemudahan asas seperti tandas yang berasingan mengikut blok dan tingkat.

- c. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN)/ Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) perlu memastikan stok pelitup muka, sarung tangan, sabun cuci tangan (kegunaan bilik air) dan *hand sanitizer* bagi keperluan petugas dan mangsa adalah mencukupi.
- d. Semua PPS perlu mempunyai pengudaraan yang mencukupi dengan cara membuka pintu, tingkap dan menghidupkan kipas, atau mana-mana cara yang patut selagi mana didapati sesuai dengan keadaan PPS tersebut.
- e. Semua PPS mesti memastikan stesen cuci tangan dilengkapi air dan sabun atau *hand sanitizer*, dan berada di lokasi strategik (mudah digunakan oleh mangsa).
- f. Pengadang/ kubikel/ khemah digalakkan agar dijarakkan sekiranya ruang mencukupi bagi memastikan keselesaan mangsa dan mengurangkan risiko penyebaran penyakit berjangkit.
- g. Semua PPS perlu memastikan poster pemakaian pelitup muka, etika batuk dan bersin, serta *hand hygiene* yang bersesuaian ditampal di lokasi yang strategik untuk makluman/ peringatan kepada mangsa yang ditempatkan dan anggota yang bertugas.
- h. Semua PPS perlu memastikan keperluan mangsa terhadap bekalan air bersih dan selamat, serta sanitasi yang baik disediakan.
- i. Tandas bergerak perlu ditambah di PPS sekiranya jumlah tandas sedia ada tidak mampu menampung keperluan jumlah mangsa yang ditempatkan.
- j. Kes positif COVID-19 dan mangsa bergejala perlu diasingkan mengikut ruang khas/ isolasi yang dikenal pasti.

ii. Senarai Semak Keperluan Asas Di PPS

Agensi yang terlibat dengan persediaan pembukaan PPS hendaklah memastikan keperluan asas berikut mencukupi, boleh berfungsi dan diletakkan di lokasi yang strategik.

- a. Pelitup muka
- b. Hand sanitizer
- c. Sabun
- d. Tisu
- e. Termometer infra merah (digalakkan)

C. FASA SEMASA BANJIR

i. Proses Pemindahan Mangsa Bencana Ke PPS

- a. Semasa pemindahan, kes positif COVID-19 perlu diasingkan. Jika keadaan tidak mengizinkan, mereka boleh dipindahkan bersama mangsa lain dengan penjarakan fizikal.
- b. Semua mangsa banjir amat digalakkan memakai pelitup muka.
- c. Petugas dari agensi yang terlibat perlu memakai *personal protective equipment* (PPE) yang sesuai, serta mematuhi standard prosedur operasi (SOP) setakat yang mampu bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dan penyakit-penyakit berjangkit lain.

ii. Semasa Pendaftaran Masuk Di PPS

Semasa pendaftaran masuk di PPS, tumpuan perlu diberikan untuk mengenal pasti individu yang memerlukan rawatan lanjut seperti dialisis, dan penyakit kronik lain untuk tindakan lanjut oleh pasukan perubatan. Keutamaan juga perlu diberi kepada orang kelainan upaya dan golongan berisiko seperti warga emas, ibu hamil, bayi dan kanak-kanak.

Berikut adalah tatacara kemasukan mangsa ke PPS sama ada dibawa oleh penyelamat/ hadir sendiri (sila rujuk Lampiran 1):

- a. Mangsa yang diselamatkan oleh penyelamat/ hadir ke PPS perlu disemak status COVID-19 melalui MySejahtera/ senarai kes positif COVID-19/ pengisytiharan sendiri.
- b. Mangsa berstatus kes positif COVID-19 perlu diasingkan di bilik isolasi COVID-19 PPS atau hospital mengikut kategori kes.
- c. Mangsa yang bukan kes positif COVID-19 perlu menjalani saringan gejala di PPS.
- d. Mangsa bergejala perlu diasingkan di bilik isolasi dan didaftarkan oleh ketua/ wakil keluarga. Petugas PPS perlu memaklumkan kepada pasukan perubatan untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut.
- e. Mangsa yang disyaki COVID-19 perlu dilakukan ujian saringan *Rapid Test Kit* (RTK) Antigen. Mangsa yang menunjukkan keputusan RTK positif COVID-19 akan diisolasi di PPS atau hospital mengikut kategori kes. Manakala mangsa negatif dibenarkan tinggal di kubikel keluarga masing-masing.

iii. Semasa Berada Di PPS

- a. Makanan dibungkus secara berasingan (*individual packed*) adalah dibenarkan dan hendaklah dimakan dalam tempoh 4 jam selepas dimasak.
- b. Semua mangsa banjir yang dipindahkan ke PPS amat digalakkan untuk memakai pelitup muka terutama golongan warga emas, individu yang mempunyai penyakit kronik, individu dengan imuniti rendah, ibu mengandung dan individu bergejala seperti demam, batuk dan selsema.
- c. Semua mangsa tidak digalakkan bergerak dari kawasan kubikel atau bilik darjah masing-masing.
- d. Sebarang perhimpunan di PPS tertakluk kepada SOP Fasa Peralihan ke Endemik.
- e. Ruang khas/ isolasi untuk mengasingkan kes positif COVID-19 hendaklah ditempatkan di ruang yang bersesuaian supaya pencemaran silang (*cross contamination*) melalui pengaliran udara dalaman PPS tidak berlaku. Ruang khas /isolasi juga perlu dilabelkan untuk mengelakkan mangsa yang tidak berkenaan masuk ke ruang tersebut.
- f. Pihak yang menguruskan PPS perlu membuat disinfeksi bersasar secara berkala di tempat guna sama oleh mangsa, seperti tombol pintu, tandas dan lain-lain tempat guna sama berdasarkan Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, 2022 (Annex 36).
- g. Mangsa di PPS mesti mencuci tangan dengan sabun dan air, atau menggunakan *hand sanitiser* seberapa kerap terutamanya selepas bersin, batuk, sebelum dan selepas makan serta menggunakan tandas.
- h. Semua pihak termasuk petugas, pelawat, media dan *non-government organization* (NGO) perlu mematuhi SOP Fasa Peralihan ke Endemik atau mana-mana peraturan yang dikuatkuasakan sepanjang tempoh pengoperasian PPS.

iv. Penyediaan Makanan Di PPS

Penyediaan makanan secara gotong-royong di PPS dibenarkan dengan syarat-syarat berikut dipatuhi:

- a. Kes positif COVID-19 tidak dibenarkan membantu dalam penyediaan makanan.
- b. Semua individu yang mengendalikan makanan hendaklah sihat dan bebas dari penyakit berjangkit termasuk penyakit kulit dan cirit-birit.

- c. Penyediaan makanan hendaklah dilakukan oleh individu yang telah mendapat vaksinasi tifoid. Dapatkan senarai sukarelawan yang telah berdaftar dengan JKM.
- d. Air terawat hendaklah digunakan untuk membasuh bahan mentah sebelum dimasak.
- e. Makanan hendaklah dimakan dalam tempoh 4 jam selepas dimasak.
- f. Sentiasa menjaga kebersihan diri dan kebersihan persekitaran ketika memasak.
- g. Pastikan sisa-sisa makanan diuruskan dengan teratur dan bahan mentah disimpan dengan baik untuk mengelakkan kehadiran lipas, lalat dan tikus.

v. Pengurusan Sisa Pepejal Di PPS.

- a. Kuantiti tong sampah bertutup yang mencukupi perlu disediakan di PPS.
- b. Pelitup muka dan tisu yang digunakan untuk batuk atau bersin perlu dibuang dengan segera ke dalam tong sampah yang tertutup.
- c. Sampah dibungkus dan diikat kemas dalam beg plastik sampah sebelum dibuang untuk kutipan syarikat perkhidmatan sisa pepejal secara berkala.
- d. Sekiranya perkhidmatan kutipan tidak disediakan oleh pihak berwajib, sampah berkenaan perlu ditanam atau dibakar dengan terkawal.
- e. Cuci tangan dengan bersih selepas membuang sampah.

D. FASA SELEPAS BANJIR


i. Penutupan PPS

- a. Semua mangsa banjir adalah dinasihatkan untuk mendapat rawatan lanjut sekiranya bergejala selepas pulang ke rumah.
- b. Semua kes positif COVID-19 perlu meneruskan isolasi di kediaman masing-masing atau tempat isolasi yang bersesuaian sehingga tamat tempoh isolasi
- c. Aktiviti pembersihan dan disinfeksi bersasar di PPS perlu dilakukan selepas semua mangsa pulang.

ii. Pengurusan Sisa Pepejal.

- a. Semasa menguruskan sisa pepejal selepas banjir, pakai peralatan perlindungan diri seperti sarung tangan getah dan but getah.
- b. Makanan dalam bekas dan tin yang ditelenggami air hendaklah dibuang dan tidak dimakan kerana kemungkinan terdapat risiko kebocoran mikro (*microleak*).
- c. Sampah dibungkus dan diikat kemas dalam beg plastik sampah sebelum dibuang untuk kutipan syarikat perkhidmatan sisa pepejal secara berkala.
- d. Sekiranya perkhidmatan kutipan tidak disediakan oleh pihak berwajib, sampah berkenaan perlu ditanam atau dibakar dengan terkawal.
- e. Cuci tangan dengan bersih selepas menguruskan sisa pepejal.

CARTA ALIR PROSES KEMASUKAN MANGSA YANG DIBAWA OLEH PENYELAMAT/ HADIR SENDIRI KE PPS



**SENARAI SEMAK PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN COVID-19 UNTUK
MANGSA BENCANA DI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)**

BIL	PERKARA	YA	TIDAK
A. Persediaan Pembukaan PPS			
1	Mengutamakan penggunaan sekolah sebagai PPS berbanding dewan.		
2	Sekiranya dewan digunakan, pengadang/ kubikel/ khemah untuk setiap keluarga hendaklah dijarakkan bagi mengelakkan kesesakan (dengan mengambilkira luas dewan dan jumlah khemah).		
3	Saringan gejala COVID-19 dilakukan semasa pendaftaran.		
4	Bekalan pelitup muka di PPS disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)/ Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk diedar kepada mangsa.*		
5	PPS perlu dipastikan mempunyai pengudaraan yang baik.		
6	Kemudahan tempat mencuci tangan dilengkapi sabun/ <i>hand sanitizer</i> mencukupi dan ditempatkan di lokasi strategik.		
7	Makanan bungkus (<i>individual packed</i>) adalah dibenarkan dan hendaklah dimakan dalam tempoh 4 jam selepas dimasak.		
8	Poster etika batuk dan bersin, amalan pemakaian pelitup muka, dan amalan mencuci tangan dengan betul ditampal di lokasi yang strategik.		
9	Bekalan air di PPS bersih dan selamat.		
10	Pengurusan sisa pepejal yang baik serta efektif		
11	Terdapat ruang isolasi yang bersesuaian dengan papan tanda (<i>signage</i>) arah		
12	Tandas bergerak disediakan di PPS sekiranya jumlah tandas sedia ada tidak mencukupi.		
B. Proses Pemindahan Mangsa Bencana ke PPS			
1	Pemakaian pelitup muka bagi kes positif COVID-19 adalah diwajibkan, manakala bagi mangsa bergejala, ia amat digalakkan.		

BIL	PERKARA	YA	TIDAK
C. Penempatan Mangsa di PPS			
1	Mangsa disaring terlebih dahulu untuk gejala dan faktor risiko COVID-19 sebelum masuk ke PPS		
2	Kes positif COVID-19 perlu diisolasi di ruang isolasi yang telah disediakan di PPS, atau di hospital.		
3	Mangsa yang positif COVID-19 dan berada di PPS dikehendaki memakai pelitup muka sepanjang masa.		
5	Pasukan Perubatan hadir memeriksa mangsa bergejala, dan kes positif COVID-19.		
6	Sabun dan <i>hand sanitizer</i> disediakan di PPS.		
7	Makanan bungkus (<i>individual packed</i>) adalah dibenarkan dan hendaklah dimakan dalam tempoh 4 jam selepas dimasak.		
9	Pendidikan kesihatan berkaitan amalan pemakaian pelitup muka, amalan mencuci tangan dengan betul, dan etika batuk dan bersin dilakukan.		
10	Disinfeksi bersasar dijalankan secara berkala di kawasan guna sama dan yang kerap disentuh seperti tombol pintu, tandas dan lain-lain		
D. Selepas Tamat Penempatan di PPS			
1	Semua mangsa kes positif COVID-19 perlu memakai pelitup muka*.		
2	Disinfeksi bersasar perlu dilakukan selepas semua mangsa pulang.		

*Nota : Pemakaian pelitup muka adalah mengikut situasi dan arahan semasa